

19 JAN 2004

Abdullah-Laos

ABDULLAH TIBA DI LAOS UNTUK LAWATAN SEHARI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

VIENTIANE, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi tiba di sini hari ini dalam siri kelima lawatan kunjung hormatnya ke ibu negara Asean selepas menjawat jawatan pada 31 Okt.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay disambut Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Laos Somsavat Lengsavad serta

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang tiba di sini malam tadi.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan

Malaysia sejak negara dengan lima juta penduduk itu menyertai Asean pada

Julai 1997.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu pada

1994 semasa Vientiane membuat persiapan untuk menjadi sebahagian daripada

perkumpulan serantau itu.

Sejurus selepas ketibaannya, Abdullah diberikan sambutan rasmi di Dewan

Perwakilan oleh rakan sejawatannya dari Laos Bounnhang Vorachith.

Abdullah dijadual mengadakan perbincangan dengan Vorachith di pejabat

Perdana Menteri dan melakukan kunjung hormat ke atas Presiden Khamtay

Siphandone di Istana Presiden.

Vorachith, yang melawat Malaysia pada 2001, akan meraikan Abdullah

dalam majlis jamuan tengah hari di Lao Plaza Hotel. Abdullah kemudiannya

akan bertemu rakyat Malaysia yang bekerja di Laos di hotel berkenaan.

Beliau juga akan menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara Exim

Bank of Malaysia dengan Sun Holdings Co.Ltd.

Abdullah dijadual berlepas ke Manila pada pukul 4 petang waktu tempatan.

Lawatan kunjung hormat Perdana Menteri sehingga kini meliputi Bandar

Seri Begawan, Jakarta, Singapura dan Bangkok. Beliau dijadual melawat Phnom

Penh, Hanoi dan Yangon minggu depan bagi melengkapkan pusingan itu.

Lawatan ke Laos amat bermakna memandangkan Abdullah, selaku Menteri

Luar ketika itu, telah mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri

Asean di
Kuala Lumpur pada 1997 yang menyaksikan kemasukan Laos dan Myanmar
ke dalam
Asean. Kemboja menyertai perkumpulan itu dua tahun kemudian.

Sejak menyertai perkumpulan 10 negara itu, Laos -- satu-satunya
negara
anggota yang dikelilingi daratan, memainkan peranan penting dalam
aktiviti
Asean dan akan menganjurkan Forum Pelancongan Asean dari 30 Jan
hingga 7
Feb serta Sidang Kemuncak Asean, iaitu mesyuarat tahunan pemimpin-
pemimpin
perkumpulan serantau itu November ini.

-- BERNAMA

AZZ HK ROS